

KEMPEN “Daftar dalam Talian dan Menang dengan PBe”

TERMA DAN SYARAT

1. Kempen

1.1 Kempen “Daftar dalam Talian dan Menang dengan PBe” oleh Public Bank Berhad No. Syarikat: 196501000672 (6463-H) (“PBB”) (“**Kempen**”) ini akan berlangsung dari 1 Ogos 2021 hingga 31 Oktober 2021, termasuk kedua-dua tarikh seperti yang ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa (“**Tempoh Kempen**”).

2. Kriteria Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB dan Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) (secara kolektif dikenali sebagai “Bank”) yang belum mendaftar untuk PBe dan PB engage (“Pelanggan”).

2.2 Pelanggan yang berikut tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- a) kakitangan Kumpulan Public Bank, subsidiari PBB dan syarikat berkaitan dengan PBB;
- b) pelanggan yang telah mendaftar untuk PBe dan/atau PB engage sebelum Tempoh Kempen;
- c) pelanggan yang akaunnya dipegang dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB;
- d) pelanggan yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya;
- e) pelanggan yang tidak waras; dan
- f) pelanggan bukan individu, iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.

3. Ciri-ciri Kempen

3.1 Pada Bulan Kempen Dijalankan, Pelanggan yang memenuhi kriteria yang berikut (“Kriteria yang Melayakkan”) berpeluang untuk memenangi pulangan tunai sebanyak RM30-00 (“Hadiah”):-

- a) berjaya mendaftar untuk PBe dan PB engage; dan
- b) membuat tiga (3) urus niaga minimum sebanyak RM30-00 dan ke atas kepada mana-mana pihak ketiga melalui Pindahan DuitNow, DuitNow ID,

DuitNow QR, Pembayaran Bil dan/atau fungsi Tambah Nilai Prabayar dalam PBe dan/atau PB engage. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa urusan niaga yang dibuat oleh Pelanggan ke dalam apa-apa akaunnya yang dipegang dengan PBB, PIBB dan/atau mana-mana bank termasuk akaunnya yang dipegang secara bersama dengan pihak lain tidak akan diberi pertimbangan bagi tujuan Kempen ini.

3.2 Bulan Kempen Dijalankan merujuk yang berikut:-

Bulan	Bulan Kempen Dijalankan
1	1 Ogos 2021 – 31 Ogos 2021 (termasuk kedua-dua tarikh)
2	1 September 2021 – 30 September 2021 (termasuk kedua-dua tarikh)
3	1 Oktober 2021 – 31 Oktober 2021 (termasuk kedua-dua tarikh)

3.3 Terdapat sejumlah satu ribu (1,000) Hadiah untuk dimenangi oleh Pelanggan dalam setiap Bulan Kempen Dijalankan.

3.4 Pemilihan Pemenang:-

Semua pelanggan yang memenuhi Kriteria Kelayakan untuk Bulan Kempen yang dijalankan akan disenaraikan (“Senarai”) dan dipilih dalam susunan menaik menurut nombor pengenalan dalaman pelanggan Bank yang unik dalam rekod PBB. Jumlah bilangan penyertaan dalam Senarai bagi Bulan Kempen Dijalankan akan dibahagikan dengan satu ribu (1,000). Para pemenang dan keputusan akan dibundarkan kepada nombor penuh terdekat.

Ilustrasi:

Bulan Kempen Dijalankan	Jumlah bilangan pelanggan yang memenuhi Kriteria Kelayakan	Kaedah Pemilihan	Pemenang
1 Ogos 2021 - 31 Ogos 2021	200,000	$200,000/1,000 = 200$	Setiap penyertaan ke-200 akan disenarai pendek sebagai pemenang iaitu: ke-200, ke-400, ke-600
1 Sept 2021- 30 Sept 2021	350,000	$350,000/1,000 = 350$	Setiap penyertaan ke-350 akan disenarai pendek sebagai pemenang iaitu: ke-350, ke-700, ke-1050

1 Okt 2021 – 31 Okt 2021	567,000	567,000/1,000 = 567	Setiap penyertaan ke-567 akan disenarai pendek sebagai pemenang iaitu: ke-567, ke-1134, ke-1701
-----------------------------	---------	------------------------	---

- 3.5 Setiap Pelanggan hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
- 3.6 Hadiah akan dikreditkan dalam akaun Pemenang yang dipegang dengan PBB dan/atau PIBB pada akhir bulan berikutnya selepas tamatnya Bulan Berlangsungnya Kempen.
- 3.7 Sejumlah RM90,000.00 telah diuntukkan bagi Kempen ini dan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen. Sejumlah RM30,000 telah diuntukkan bagi setiap Bulan yang Mengambil Bahagian (“Hadiah Untukkan Bulanan”).
- 3.8 PBB berhak untuk:-
- a) mengambil balik Hadiah Tunai sekiranya (i) akaun Pelanggan telah ditamatkan, digantung atau ditutup; (ii) akaun Pelanggan dormant sebelum Hadiah Tunai dihantar; atau
 - b) mengambil balik Hadiah Tunai itu sekiranya terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal akaun deposit Pelanggan dan terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan bagi tujuan Kempen ini tidak dipatuhi.
- 3.9 Hadiah yang diberi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak dan tidak boleh ditukar dengan barang atau kredit lain, sebahagiannya atau sepenuhnya.

4. Hak PBB

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal akaun deposit Pelanggan, dan apa-apa terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan bagi tujuan Kempen ini. Sekiranya terdapat ketakseragaman antara terma dan syarat ini dengan mana-mana terma dan syarat akaun deposit Pelanggan dan apa-apa terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan bagi tujuan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.

- 4.2 Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang ditunjukkan bersama-sama dengan Hadiah Tunai dalam semua bahan bercetak, laman web atau cawangan PBB hanyalah untuk tujuan perhiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Hadiah Tunai.
- 4.3 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani surat-menyurat daripada mana-mana Pelanggan/pihak mengenai perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Pelanggan dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen dan Hadiah Tunai ini kecuali disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan Hadiah Tunai yang ditawarkan dan disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran dan pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini dan Hadiah Tunai di bawah Kempen ini.
- 4.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau penangguhan dalam transmisi apa-apa urus niaga yang dibuat melalui PB engage atau yang dikesan dalam sistem PBB, yang mungkin menyebabkan Pelanggan terkeluar daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 4.8 PBB berhak untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuh dan sebahagiannya, dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya 21 hari kalendar kepada Pelanggan melalui laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 4.9 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat Kempen ini akan diterima pakai.

- 4.10 PBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Tempoh Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, pada bila-bila masa, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, lanjutan, penamatan atau penggantungan Kempen ini tidak akan melayakkan Pelanggan untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan sama ada disebabkan oleh pembatalan, penarikan balik, lanjutan, penamatan atau penggantungan itu secara langsung atau tidak langsung.
- 4.11 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.12 Pelanggan boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat melalui www.pbebank.com atau mana-mana cawangan PBB.